

# Pesanan untuk saintis muda

DR. MOHD. KUSHAIRI amat meminati selam skuba.

## siapa mengapa

**M**ENGENALI beliau amat mudah kerana sikapnya yang santai, Prof. Dr. Mohd. Kushairi Mohd. Rajuddin yang berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Sains dan Bioteknologi Universiti Selangor (Unisel) merupakan pencinta alam. Beliau sering 'mengembara' ke dasar lautan kerana hobinya yang aktif dalam aktiviti selam skuba sesuai dengan kerjayanya mengkaji hidupan dasar laut. Ikuti luahan beliau menerusi e-mel baru-baru ini.

### Apakah kepakaran Prof. Jelaskan secara ringkas?

Kepekaran saya adalah dalam bidang pengurusan pantai dan hidupan dasar laut.

### Apakah Prof. berpuas hati dengan pencapaian daripada segi penyelidikan mengenai bidang kepakaran?

Ya, saya berpuas hati. Ada kertas kerja saya yang diterbitkan di jurnal terkenal termasuk *Journal of Coral reef*, *Journal of Estuarine, Coastal & Shelf Science* dan *Journal of Oceanography*.

### Apakah perkara paling membanggakan dan paling mengecewakan sejak penglibatan dalam bidang kepakaran tersebut?

Perkara yang paling membanggakan apabila dapat bekerjasama dengan pihak lain termasuk saintis terkenal luar negara dan mereka memberi idea tetapi paling mengecewakan apabila terdapat sebilangan kalangan saintis muda kita yang suka kerja secara sendiri.

### Apakah kepentingan bidang pada masa ini dititikberatkan?

Masalah yang paling dititikberatkan ketika ini adalah pencemaran alam dan kenaikan paras air laut.

### Mampukah kita melahirkan ramai pakar dalam bidang yang Prof. ceburi?

Kita mampu melahirkan ramai pakar jika saintis muda kita meningkatkan disiplin dan persediaan minda yang jelas.

### Bagaimanakah bidang yang Prof. ceburi ini sepatutnya mendatangkan keseronokan.

Bagi menjadikan sesuatu bidang seronok atau tidak, ia bergantung kepada cara ia dilaksanakan iaitu perlunya ada minat dan hati yang terbuka serta jujur.

### Rakyat Malaysia masih tidak begitu sedar akan kepentingan bidang tersebut, komen Prof.

(Sebenarnya) ramai yang sedar, cuma bidang ini bukan senang hendak buat duit.

### Apakah perkara yang wajar dilakukan bagi meningkatkan kepakaran dalam bidang ini?

Kita perlu meningkatkan ilmu, dari ijazah ke sarjana dan doktor falsafah (PhD) dan kemudian banyak melakukan penyelidikan dengan penyelidik senior dalam negara dan bercampur dengan saintis luar negara.

## BIODATA

### PENDIDIKAN

- Sekolah Menengah Tengku Menteri Taiping
- Sekolah Menengah St. Georges Taiping
- Ijazah sarjana muda dan sarjana di Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Doktor falsafah (PhD) Universiti Newcastle upon Tyne England.
- Mempunyai lesen sebagai jurulatih selam skuba.

### PENGALAMAN

- Bertugas di Instiuit Penyelidikan Perikanan Malaysia dan di *Southeast Asian Fisheries Development Center* di Terengganu (beribu pejabat di Tokyo)
- Menyertai Unisel dalam tahun 2001.
- Pengarah Makmal Penelitian Bio-Optik Marin, Unisel.
- Pemeriksa luar untuk pascasiswazah bagi UKM, USM, UiTM, UPM dan Soka Universiti di Jepun.
- Pernah menjadi konsultan untuk projek Petronas, Nippon Oil, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan.
- Menjadi Ketua ekspedisi Penyelidikan Kepulauan Spratly di Jabatan Perdana Menteri 1999 dan 2001.
- Menjadi ahli panel bagi menilai permohonan penyelidikan untuk geran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan ahli pakar kajian karang untuk Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM).

DR. MOHD. KUSHAIRI sebagai perunding kajian dasar laut untuk syarikat minyak Petronas pada 2007.

